

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 9 FEBRUARI 2023  
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 34

## Dagangan borong dan runcit catat nilai jualan tertinggi

### Dagangan borong dan runcit catat nilai jualan tertinggi

**PETALING JAYA:** Perdagangan borong dan runcit negara mencatatkan nilai jualan bulanan tertinggi berjumlah RM137.3 bilion pada Disember, dengan suku keempat 2022 mencatatkan RM405.2 bilion, menurut Jabatan Perangkaan.

Bagi keseluruhan tahun 2022, jumlah jualan mencecah RM1.6 trilion.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, peningkatan sebanyak 13.8 peratus pada Disember berbanding bulan sama tahun sebelumnya disumbangkan oleh subsektor perdagangan runcit yang mencatatkan peningkatan sebanyak RM11.0 bilion kepada

RM59.5 bilion.

Katanya, kenderaan bermotor juga berkembang dengan 20.3 peratus atau RM3.0 bilion kepada RM17.5 bilion, manakala perdagangan borong meningkat 4.7 peratus atau RM2.7 bilion kepada RM60.3 bilion.

"Bagi perbandingan bulan ke bulan, nilai jualan perdagangan borong dan runcit meningkat 2.3 peratus, peningkatan RM3.0 bilion, disokong terutamanya oleh kenderaan bermotor yang meningkat 9.3 peratus.

"Sementara itu, pertumbuhan subsektor perdagangan runcit sebanyak 22.7 peratus pada Disember 2022 disokong oleh jualan runcit di kedai bu-

kan pengkhususan yang meningkat 24.7 peratus atau RM4.4 bilion kepada RM22.4 bilion," katanya dalam kenyataan.

Dalam pada itu, kumpulan lain dalam subsektor ini turut mencatatkan pertumbuhan positif iaitu jualan runcit di kedai pengkhususan sebanyak 30.7 peratus, jualan runcit bahan api kenderaan (44.4 peratus) dan jualan runcit barangan isi rumah (12.6 peratus).

Turut tergolong adalah jualan runcit makanan, minuman dan tembakau (16 peratus), jualan runcit peralatan komunikasi dan maklumat (9.8 peratus), jualan runcit barangan kesenian dan rekreasi (3.9 peratus), jua-

lan runcit bukan di kedai, gerai atau pasar (11.4 peratus) dan jualan runcit di gerai dan pasar (17.8 peratus).

Mohd. Uzir berkata, pertumbuhan 20.3 peratus dalam subsektor kenderaan bermotor pada bulan ini disumbangkan oleh jualan kenderaan bermotor yang meningkat 24.8 peratus atau RM2 bilion kepada RM10 bilion.

"Ini diikuti oleh jualan komponen dan aksesori kenderaan bermotor dan penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan bermotor masing-masing meningkat 27.3 peratus dan 30.9 peratus.

"Bagaimanapun, jualan, pe-

nyelenggaraan dan pembaikan motosikal merosot 29.8 peratus pada Disember 2022," ujarnya.

Mengulas subsektor Perdagangan Borong, beliau berkata, kenaikan 4.7 peratus disumbangkan oleh jualan borong barangan isi rumah yang mencatatkan peningkatan sebanyak RM0.9 bilion atau 7.6 peratus kepada RM12.3 bilion.

"Ini diikuti oleh jual borong bahan mentah pertanian dan haiwan hidup dengan 18.2 peratus untuk mencatatkan RM5.5 bilion. Jualan borong makanan, minuman dan tembakau juga meningkat 6.1 peratus kepada RM12.2 bilion.